

18/09/1997

Unimedia ambil 2,000 pelajar pertama

Mohd Fuad Razali

UNIVERSITI Multimedia (Unimedia) akan mengambil 2,000 pelajar pertama untuk mengikuti pengajian dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat pada September tahun depan.

Menurut Presiden Universiti Telekom Malaysia (Unitele), Prof Dr Ghauth Jasmon, daripada jumlah itu, 1,300 pelajar akan mengikuti pengajian di peringkat prauniversiti manakala bakinya akan memasuki pengajian tahun pertama dan kedua peringkat ijazah pertama.

Katanya, pengambilan itu akan meliputi pelajar dari luar negara tetapi bilangannya belum ditentukan.

"Langkah itu sejajar dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu supaya universiti ini diberi wajah antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas perasmian Seminar Teknologi Multimedia: Aliran Sejagat di Universiti Putra Malaysia, semalam.

Seminar dua hari yang akan berakhir hari ini dirasmi oleh Ketua Pengarah Telekomunikasi Jabatan Telekom Malaysia, Datuk Hod Parman dan dihadiri kira-kira 150 peserta, termasuk pelajar, guru dan pensyarah.

Ia adalah anjuran bersama Unitele, Unimedia dan Nippon Telegraph and Telephone (NTT) dengan kerjasama Jabatan Telekom Malaysia dan Telecommunications Advancement Foundation (TAF).

Unimedia adalah sebuah universiti yang akan memberi fokus untuk mengeluarkan sumber manusia dalam bidang multimedia.

Ketika ini, semua aspek berkaitan penubuhan universiti itu dibuat oleh Unitele.

Menurut Dr Ghauth, setakat ini Unimedia sudah menubuhkan empat fakulti yang akan menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat.

Empat fakulti itu ialah Fakulti Kejuruteraan Multimedia, Fakulti Teknologi Maklumat, Fakulti Multimedia Kreatif dan Fakulti Pengurusan Multimedia.

Antara program yang akan ditawarkan ialah Sarjana Muda Sains (Seni Digital), Sarjana Muda Sains (Filem dan Animasi), Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Perisian) dan Sarjana Muda Sains (Sistem Maklumat).

Dr Ghauth berkata, Unimedia yang dibina di Bandar Siberjaya apabila siap akan beroperasi secara berasingan daripada Unitele yang akan terus beroperasi di Melaka.

Katanya, fasa pertama pembinaan Unimedia dimulakan bulan lalu dan dijangka siap menjelang Jun tahun depan.

Pembinaan Unimedia akan dibuat secara dua peringkat. Peringkat kedua dijangka mengambil masa selama dua hingga tiga tahun. Kos keseluruhan pembinaan dianggarkan RM600 juta.

Universiti itu dibina di kawasan seluas 80 hektar dan berupaya menampung antara 6,000 hingga 7,000 pelajar menjelang tahun 2000 atau 2001.

Mengenai tenaga pengajar, Dr Ghauth mengakui kesukaran untuk mendapatkan pensyarah dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat.

Bagaimanapun, katanya, masalah itu bukan sahaja dihadapi di Malaysia tetapi adalah fenomena sejagat.

(END)